

**UCAPAN PERDANA MENTERI DI UPACARA
PELANCARAN LEMBAGA KEMAJUAN PER-
TANIAN KEMUBU (KADA), DI DEWAN PER-
KUMPULAN PEREMPUAN, KOTA BHARU,
KELANTAN PADA 2HB MAC, 1973**

Tuan Pengerusi KADA, Y.B. Menteri Pertanian dan Perikanan,
Y.A.B. Menteri Besar Kelantan, Saudara-saudara sekalian,

Saya sungguh sukacita kerana dapat hadir bersama-sama di sini pagi ini disamping mendapat penghormatan merasmikan Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu atau KADA ini. Pelancaran Lembaga ini merupakan satu lagi langkah kehadapan yang diambil oleh Kerajaan kita dalam usaha hendak memastikan kemajuan yang lebih pesat dan memberikan kehidupan yang lebih sempurna kepada rakyat tani khususnya di Negeri Kelantan.

Saudara-saudara sekalian,

Rancangan Kemubu ini ialah rancangan pengairan yang kedua besarnya di negara kita selepas Rancangan MUDA. Dengan pembinaan Rancangan ini dapatlah diadakan satu asas yang teguh bagi melaksanakan projek pertanian, terutama sekali penanaman padi. Tidak syak lagi, kejayaan pelaksanaan rancangan-rancangan pembangunan di kawasan Kemubu bergantung kepada kemampuan dan keazaman petani-petani sendiri dan kerjasama yang mereka berikan kepada pihak Kerajaan. Seperti yang seringkali saya katakan, Kerajaan bersedia memberikan bantuan di dalam usaha hendak memastikan kemajuan di dalam ertikata yang sebenarnya.

Sebagaimana kita semua maklum, pembinaan rancangan Kemubu membolehkan petani-petani di kawasan ini menanam padi dua kali setahun. Saya diberitahu penanaman dua kali setahun yang dimulakan tahun lalu memberikan penghasilan padi yang lebih kepada petani-petani di sini dan dengan itu meninggikan pendapatan mereka. Saya berharap petani-petani di sini akan menggunakan kemudahan-kemudahan yang disediakan itu bukan saja untuk menambah penghasilan padi tetapi meninggikan pendapatan melalui tanaman cash crop yang lain.

Saudara-saudara sekalian,

Zaman kita sekarang ialah zaman sains dan teknologi dan oleh itu perlulah kita semua menyesuaikan diri dengan keadaan yang berubah itu. Petani-petani kita hendaklah berani mengubah sikap dan cara hidup mereka sejajar dengan kehendak masa ini supaya kita berjaya mencapai cita-cita Dasar Ekonomi Baru. Bagi kawasan Kemubu ini khususnya, terdapat banyak peluang dan sumber alam yang boleh memberikan kehidupan yang lebih sempurna kepada rakyat dan menjamin kemajuan untuk tahun-tahun akan datang.

Sebagaimana dengan Rancangan MUDA, Kerajaan berpendapat amatlah perlu ditubuhkan sebuah badan bagi menyelenggarakan Rancangan ini iaitu Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu yang dirasmikan penubuhannya hari ini. Saya berharap Lembaga ini akan mengambil langkah-langkah positif demi kejayaan Rancangan Kemubu ini di mana kita telah membelanjakan sekian banyak wang untuknya. Setiap langkah ke arah kemajuan mestilah dilaksanakan dengan sebaik-baiknya supaya rakyat berasa yakin bahawa penubuhan Lembaga ini benar-benar membuktikan daya penggerak kemajuan yang kita cita-cita itu.

Seperti yang dimaklum, masalah besar yang dihadapi oleh petani-petani penanam padi kita ialah keluasan tanah yang mereka usahakan kerana pendapatan mereka bergantung pada penghasilan dari tanah itu meskipun bagi tanaman dua musim. Saya dapat tahu masalah tanah sungguh rumit sekali di kawasan Kemubu ini kerana pada amnya sawah-sawah itu sangatlah kecil dan ada yang tidakpun sampai satu ekar bagi satu keluarga. Menurut kajian yang telah dibuat mengenai ekonomi penanaman padi, keluasan tanah sawah yang sebaik-baiknya bagi satu keluarga tani ialah enam ekar iaitu bagi tanaman dua musim dan ini dijangka akan memberikan pendapatan lebih kurang \$250 sebulan. Dengan pendapatan sebanyak itu bolehlah keluarga tersebut hidup dengan sempurna.

Berhubung dengan ini, saya suka menasihatkan supaya petani penanam padi berusaha menambah luas tanah sawah mereka dan juga tuan-tuan tanah yang tidak mengusahakan sendiri sawah mereka lebih baiklah menjualkan tanah sawah mereka itu kepada orang-orang yang benar-benar mengusahakannya. Pada masa ini Kerajaan sedang menimbangkan langkah-langkah bagi melaksanakan land reform terutama di kawasan padi iaitu di kawasan Pengairan Muda dan Kemubu supaya petani-petani yang diam

di situ betul-betul mendapat munafaat dari rancangan Kerajaan yang besar-besaran itu. Saya harap Kerajaan Negeri dan Lembaga Kemubu atau KADA mengkaji hal di atas dengan teliti dan melaksanakan perubahan yang diinginkan itu supaya keadaan ekonomi petani kita dapat diperbaiki serta memberikan mereka taraf hidup yang lebih tinggi.

Saudara-saudara sekalian,

Hari ini kaum tani dan termasuk juga kaum nelayan di negara kita menghadapi suatu babak baru di dalam sejarah kehidupan mereka. Selama ini mereka pada amnya berusaha secara sendirian dan hanya mendapat sedikit sebanyak bantuan serta nasihat untuk membaiki cara menanam, membeli benih dan baja. Bagaimanapun, mereka tidaklah dapat menikmati sepenuhnya bantuan Kerajaan selain dari kemajuan teknologi yang baru. Untuk memastikan kemajuan yang lebih dinamik di bidang pertanian ini, Kerajaan telah menyatukan seluruh kegiatan-kegiatan pertanian di bawah satu badan iaitu Lembaga Pertubuhan Peladang yang menggabungkan Persatuan-persatuan Peladang dengan Syarikat Kerjasama yang berasaskan pertanian dan Y.M. Tengku Ahmad Rithauddin dilantik sebagai Pengerusinya.


Pada pandangan saya, Lembaga Pertubuhan Peladang ini merupakan sebuah jentera yang kuat bagi memajukan rakyat kaum tani amnya melalui kegiatan-kegiatan dan gerak langkah yang akan disusun oleh Lembaga itu dapatlah kita menjamin hari depan yang cerah bagi petani-petani dan peladang-peladang kita. Saya sukacita menyatakan di sini bahawa setakat ini kemajuan yang telah dicapai oleh persatuan-persatuan peladang sebelum disatukan dengan syarikat-syarikat kerjasama di bawah Pertubuhan Peladang sangat memuaskan. Saya berharap pengalaman-pengalaman itu akan dijadikan landasan untuk mencapai kemajuan-kemajuan yang lebih hebat lagi di masa hadapan.

Saya percaya dengan adanya Lembaga Pertubuhan Peladang ini, dapatlah diselaraskan dengan lebih licin lagi kegiatan-kegiatan bagi menyelesaikan masalah-masalah yang ada dibidang pertanian. Saya seringkali mengatakan peri mustahaknya mengadakan projek-projek yang boleh membantu usaha-usaha Kerajaan menghadapi masalah pengangguran di negara ini. Di Kelantan ini banyak projek-projek seperti itu boleh diadakan khasnya perusahaan-perusahaan yang berasaskan pertanian. Saya yakin dengan adanya Rancangan Kemubu ini disokong oleh Lembaga

Pertubuhan Peladang, kehidupan petani-petani kita boleh dibaiki dan mereka dapat menikmati kehidupan yang lebih bahagia dan sempurna. Inilah matlamat segala usaha Kerajaan iaitu membina masyarakat Malaysia baru yang makmur dan aman sentosa.

Saudara-saudara sekalian,

Sekian sajalah ucapan saya dan saya dengan sukacitanya merasmikan penubuhan Lembaga Kemajuan Kemubu ini serta berdoa mudah-mudahan Lembaga ini memainkan peranan yang dinamik meninggikan taraf hidup rakyat di negara ini.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang berucap di upacara Pelancaran Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu di Kelantan pada 2hb Mac, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)